

**PERUBAHAN STRUKTUR MEDIA AKBAR
INDONESIA
DARI ORDER SOEHARTO
KE ORDER REFORMASI
KAJIAN KES
HUBUNGAN MEDIA DENGAN PEMERINTAH**

ZULHASRIL NASIR

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
2004**

PENGHARGAAN

Suatu soalan ringan yang mungkin muncul adalah, mengapa saya menuntut di Malaysia, tidakkah banyak universiti di Indonesia yang memiliki bidang ilmu yang sama? Soalan yang serupa mungkin juga relevan jika disampaikan kepada pelajar Malaysia yang menuntut di Indonesia. Tentulah, jawapannya akan berbeza-beza. Pada masa kecil saya di Minangkabau, Sumatera Barat, di mana radio Malaysia (dulu Malaya) sangat jelas dan terang didengar, mengalahkan siaran radio dari Jakarta atau radio tempatan. Hampir setiap hari saya mendengar suara dan nyanyian dalam bahasa Melayu. Suara P. Ramlee, Saloma atau Rafeah Buang amat saya sukai. Saya juga penonton film-film P. Ramlee, seperti "Nujum Pak Belalang," "Bujang Lapok," dan lain-lain. Ketika Soekarno melancarkan konfrontasi terhadap Malaysia dan orang ramai diharamkan mendengarkan radio Malaya dan radio asing lainnya, saya secara bersembunyi mendengarkannya. Sudahlah pasti juga, filem-filem Malaysia tidak dapat ditonton lagi.

Kesan masa kecil itu tidaklah dapat dirumuskan, apakah yang tumbuh dalam diri saya. Tetapi ada sesuatu yang melekat dalam nurani dan itu tidak hilang meski media televisyen telah menguasai mata dan telinga di masa ini. Saya hanya ingin mengatakan, begitu kuat kesan media kepada perseorangan, ianya melampaui had-had negara, meskipun bagi saya Malaysia tidak mempunyai perbezaan dengan budaya, adat-istiadat di mana saya dilahirkan. Suatu ketika, pastilah saya akan ke Malaysia, meskipun pada usia yang lebih setengah abad.

Kajian saya ini mungkin adalah wujud dari sebahagian khayalan masa kecil, meskipun saya hanya menjumpai muzium P. Ramlee dan tidak lagi mendengar senandung Rafeah Buang. Barangkali inilah yang dikatakan orang, budaya telah menyatukan hati. Semuanya tentulah tidak berlaku sendiri, ada peranan orang lain di luar diri saya. Dengan rendah hati, dalam kesempatan ini saya mohon kebenaran menyampaikan penghargaan yang setinggi-tingginya kepada:

Bapak Prof. Dr. Ramli Mohamed, penyelia utama dan orang yang telah bersusah payah memberi panduan, nasihat dan meluangkan masa dalam kesibukan beliau sejak di Pusat Pengajian Komunikasi sampai sekarang sebagai Dekan Institut Pengajian Siswazah, USM. Kesabaran dan bantuan beliau dalam membimbing saya sehingga tesis ini selesai, saya mengucapkan terima kasih, dan segala kebaikan itu selayaknya diberi balasan oleh Tuhan Yang Maha Esa. Amin!

Dekan Pusat Pengajian Komunikasi Bapak Prof Madya Dr Mohammed Zin Nordin yang telah memberi kebenaran dan kemudahan-kemudahan kepada saya sampai masa ini dan juga sebagai pemeriksa tesis saya ini

Puan Prof. Madya Dr. Khor Yoke Lim, seorang pensyarah yang selalu siap memberi perhatian kepada pelajar Juga Prof. Dr. Osman Abdullah, Prof. Dr. Dato' Shamsul Amri Baharuddin dan Prof. Madya Dr. Shanthi Balraj, pengerusi dan pemeriksa, yang memberikan masa dan perhatiannya pada majlis yang terhormat ini.

Setiausaha majlis peperiksaan Puan Rohilatifah Harun dan demikian pula pihak Institut Pengajian Siswazah, Setiausaha Dekan, Puan Siti Fadilah Hosni, Puan Jamaliah Sulaiman, Puan Sarina Abd. Rani serta stafnya yang telah banyak menolong kelangsungan pengajian saya di USM..

Penghargaan saya kepada Setiausaha Dekan, Cik Nariza Versey Kudus dan staf pentadbiran Pusat Pengkajian Komunikasi yang tidak dapat saya sebutkan satu persatu yang telah banyak memberi bantuan ke atas kelancaran kajian saya di sini.

Pihak Perpustakaan Pusat, USM yang telah senang hati memberi bantuan kepada saya untuk melengkapi bacaan saya sehingga saya dapat menyelesaikan penyelidikan ini.

Rektor Universitas Indonesia, Dekan Fakultas Ilmu Sosial dan Ilmu Politik dan Ketua Jurusan Ilmu Komunikasi yang telah memberi kebenaran dan kelancaran proses belajar saya di Universiti Sains Malaysia. Saudara Dedy N. Hidayat, PhD, Ketua Bidang Ilmu Komunikasi, Pasca Sarjana, Universitas Indonesia dan Dr. Pinckey Triputra, rakan yang saya jadikan sasaran perbincangan, tempat bertanya baik dalam idea ataupun kaedah penyelidikan. Risang Rimbaatmaja, dosen muda yang banyak membantu saya dalam penyelidikan lapangan, juga Asep Sedyana;

Veronica dan Niela Octaria mahasiswa yang kini sedang menyelesaikan pengajiannya di Jurusan Ilmu Komunikasi UI. Bantuanmu telah melicinkan kajian saya di USM.

Salam hormat saya juga arahkan kepada Bapak Dja'far H. Assegaff -- bekas dosen komunikasi UI dan Duta Besar RI di Hanoi, kini Timbalan Ketua Syarikat *Media Indonesia* – stamina dan kecintaan beliau kepada profesi wartawan sungguh dapat menjadi contoh orang muda; Bapak Jakob Oetama, pendiri dan Ketua Syarikat *Kompas*, seorang yang tidak pernah “membakar” dan selalu tenang dalam editorialnya setiap hari. Saudara Suryopratomo, Ketua Penyunting *Kompas*, Saudara Imam Anshori Saleh, Ketua Bidang Penyelidikan dan Pengembangan *Media Indonesia*, Saudara Seno Gumira Aji Darma, wartawan Kumpulan *Kompas*, seorang yang selalu bergejolak dalam tulisan-tulisannya.

Saudara Tommy Julianto, bekas pelajar Pusat Pengajian Farmasi yang kini berkhidmat dan pelajar calon Ijazah Doktor di Universiti Teknologi MARA, orang yang pertama kali saya jumpai ketika masuk kampus USM di tengah kebimbangan di kawasan baru. Anda telah berjasa memperkenalkan seluk-beluk USM kepada saya. Terima kasih, jasa anda besar sekali..

Ibunda Zuarna dan Papanda Nasir Sutan Marajo tercinta di Bukittinggi, Sumatera Barat, yang selalu mendoakan saya sepanjang masa. Kepada Mu ya Tuhan, saya mohonkan agar keduanya dalam keadaan sehat dan diberi rahmah Mu.

Terakhir, “mangsa” terdekat saya: Erma Willys Kusuma, dan anak-anak Puti Arimbi, Miranti Cempakawangi dan Zeisha Mutri Kalahari tercinta. Kasih-sayang, kesabaran, perhatian dan pengorbanan yang telah engkau berikan, ketiadaan masa-masa bersama selama empat tahun berlalu, sungguh memberi makna tersendiri bagi saya – semuanya saya sampaikan mohon maaf dan terima kasih. Juga kepada rakan dan kerabat yang tidak dapat saya sebut satu demi satu.

Selama hayat dikandung badan jasamu takkan ku lupakan. Wassalam!

ZULHASRIL NASIR

JADUAL KANDUNGAN

	MUKA
PENGHARGAAN	I
SENARAI KANDUNGAN	IV
SENARAI JADUAL	IX
SENARAI KEPENDEKAN DAN TATANAMA	X
ABSTRAK	XIII
BAHAGIAN I PENGENALAN	1
A. LATARBELAKANG	1
B. PERMASALAHAN KAJIAN	10
C. SKOP KAJIAN	14
D. TUJUAN DAN KEPENTINGAN KAJIAN	16
BAHAGIAN II TINJAUAN BACAAN	21
A. PENDEKATAN	21
B. PERSPEKTIF TEORI	27
1. PENGENALAN	27
2. PERANAN NEGARA DALAM PERTUMBUHAN MEDIA MASSA	28
A. PEMAHAMAN TENTANG NEGARA DAN DEMOKRASI	28
B. HUBUNGAN PEMERINTAH DENGAN MEDIA	33
C. KUASA PRESDIEN TERLALU BESAR	41
3. MEDIA POLITIK-EKONOMI	45
A. PENGENALAN	45
B. MEDIA POLITIK-EKONOMI	46
C. IDEOLOGI MEDIA DAN KEPENGUNAAN MASSA	49
D. KOMODIFIKASI	53
E. SPATIALISASI	55
F. PEMILIKAN MEDIA MASSA DAN KUASA	57

	JADUAL KANDUNGAN	MUKA
	G. KAPITALISME ORDER SOEHARTO	64
	4. MEDIA MASSA DALAM DINAMIK PERUBAHAN	72
	A. MEDIA MASSA DAN PERUBAHAN SOSIAL	72
	B. PERUBAHAN SOSIAL DAN STRUKTUR MEDIA MASSA	76
	C. GERAKAN SOSIAL DAN REFORMASI	80
	D. MEDIA MASSA DAN PENDEMOKRASIAN	83
BAHAGIAN III	PELAN DAN KAEADAH KAJIAN	86
	A. PARADIGMA KAJIAN	86
	B. UNIT ANALISIS	90
	C. SASARAN PENYELIDIKAN	91
	D. KAEADAH PENGUMPULAN DATA	92
	E. KAEADAH ANALISIS DATA	93
	F. ALASAN PILIHAN MEDIA AKHBAR	101
	G. MASA PILIHAN CONTOH	103
	H. BATASAN PENYELIDIKAN	104
BAHAGIAN IV	AMALAN PERBINCANGAN TEKS	108
	A. PENDAHULUAN	108
	B. ANALISIS TEKS	109
	1. LIKUIDASI BANK ANDROMEDA	111
	2. KERETA NASIONAL TIMOR	126
	3. KUMPULAN BIMANTARA	139
	4. KELUARGA CENDANA	151
	C. KESIMPULAN	166
	1. WUJUD KEBEbasAN AKHbar DALAM BERITA	167
	ERA ORDER SoEHARTO DAN ORDER REFORMASI ..	167
	2. PERANAN BILIK BERITA	169
	3. WUJUD KAWALAN DAN KRITIK	171
	4. MENYAMPAIKAN INFORMASI	173

	JADUAL KANDUNGAN	MUKA
BAHAGIAN V	AMALAN PERBINCANGAN MEDIA: ORIENTASI MEDIA	178
	POLITIK-EKONOMI <i>KOMPAS</i> DAN <i>MI</i>	
	PENGANTAR	178
	A. PROFIL <i>KOMPAS</i> DAN <i>MI</i>	179
	1. <i>KOMPAS</i>	180
	2. <i>MEDIA INDONESIA</i>	183
	B. POLITIK-EKONOMI <i>KOMPAS</i>	185
	1. POLITIK MEDIA	185
	2. EKONOMI MEDIA	192
	3. KOMODIFIKASI DAN SPATIALISASI	194
	C. POLITIK-EKONOMI <i>MI</i>	201
	1. POLITIK MEDIA	201
	2. EKONOMI MEDIA	206
	3. KOMODIFIKASI DAN SPATIALISASI	211
	D. STRUKTUR <i>KOMPAS</i> DAN <i>MI</i> DALAM REGIM YANG BERUBAH	215
	1. MODAL	216
	2. PERUBAHAN DALAMAN DAN PENGARUH LUARAN INSTITUSI	218
	3. STAIL KEPEMIMPINAN	222
	4. KEPENTINGAN MEDIA POLITIK-EKONOMI DAN KEBEBASAN AKHBAR	225
	5. ULASAN	230
BAHAGIAN VI	AMALAN SOSIAL-BUDAYA : PERUBAHAN STRUKTUR MEDIA MASSA DARI ORDER SOEHARTO KE ORDER REFORMASI	238
	A. PERUBAHAN STRUKTUR INSTITUSI NEGARA DAN REFORMASI YANG BIMBANG	238

JADUAL KANDUNGAN	MUKA
B. PERUBAHAN STRUKTUR MEDIA	248
1. PERANAN PENGAMAL MEDIA MASSA PADA MASA PERUBAHAN	249
2. INDUSTRI MEDIA DAN PERSAIANGAN BEBAS	255
3. PERUBAHAN STRUKTUR MEDIA AKHBAR	264
BAHAGIAN VII HUBUNGAN MEDIA MASSA DENGAN PEMERINTAH	276
A. PERANAN NEGARA MENJADI KECIL	276
B. ANCAMAN BARU TERHADAP KERJAYA WARTAWAN ...	278
C. KEPIMPINAN: MENARI DENGAN PETI SEJUK	282
BAHAGIAN VIII RUMUSAN DAN EPILOG	290
A. PEMBUKTIAN TUJUAN PENYELIDIKAN	292
1. PENAUNG HUBUNGAN NEGARA DENGAN MEDIA MASSA	292
2. KECENDERUNGAN NEGARA TERLIBAT PADA REGULASI MEDIA	295
3. FAKTOR-FAKTOR DOMINAN YANG MEMPENGARUHI PERUBAHAN STRUKTUR MEDIA	296
4. REGULASI MEDIA MASA ORDER SOEHARTO DAN PENGARUHNYA KE ATAS STRUKTUR MEDIA BERITA	298
5. KEBEBASAN AKHBAR, KEPENTINGAN MEDIA POLITIK EKONOMI DAN AM	301
6. PERANAN PENGAMAL DALAM MENENTUKAN KUALITI PERUBAHAN STRUKTUR MEDIA MASSA	302
B. IMPLIKASI TEMUAN: TEORI, KAEDAH, PRAKTIK DAN SOSIAL	303
1. IMPLIKASI TEORI	303
2. IMPLIKASI KAEDAH	305

JADUAL KANDUNGAN	MUKA
3. APLIKASI	308
4. IMPLIKASI SOSIAL	309
5. CADANGAN	310
C. EPILOG: MENILAI SEKEJAP HUBUNGAN MEDIA MASSA DENGAN PEMERINTAH	311
RUJUKAN	317
LAMPIRAN	

SENARAI JADUAL

JADUAL	TAJUK	MUKA
Jadual 1A	JENTERA KAWALAN REGIM SOEHARTO	11
Jadual 1B	HUBUNGAN MEDIA, PASAR DAN SWASTA	14
Jadual 1C	MODEL PILIHAN KUASA MEDIA	38
Jadual 1D	ORGANISASI MEDIA DI TENGAH KUASA SOSIAL	49
Jadual 2	PENYOKONG DANA AL GORE DAN BUSH PILIHAN RAYA AS 2000	74
JADUAL 3	ANALISIS PERBINCANGAN KRITIK	94
Jadual 4	FAKTA DAN REALITI TEKS	97
Jadual 5	ANALISIS FRAMING MODEL GAMSON DAN MODIGLIANI	98
Jadual 6	PENJELASAN UNSUR-UNSUR FRAMING GAMSON DAN MODIGLIANI	99
Jadual 7	ANALISIS BERJENJANG FAIRCLOUGH	100
Jadual 8	RANGKA KERJA PENYELIDIKAN	103
Jadual 9	SENARAI ISU FRAMING <i>KOMPAS</i> DAN <i>MI</i>	107
Jadual 10	BILANGAN BERITA <i>KOMPAS</i> DAN <i>MI</i>	109
Jadual 11	BILANGAN ISU MENURUT TAJUK BERITA <i>KOMPAS</i> DAN <i>MI</i>	109
Jadual 12	FRAME <i>KOMPAS</i> DAN <i>MI</i> KE ATAS BANK ANDROMEDA	117
Jadual 13	BANGUNAN BERITA BANK ANDROMEDA DALAM <i>KOMPAS</i> DAN <i>MI</i>	123
Jadual 14	FRAME <i>KOMPAS</i> DAN <i>MI</i> KE ATAS KERETA TIMOR	133
Jadual 15	BANGUNAN BERITA KERETA TIMOR DALAM <i>KOMPAS</i> DAN <i>MI</i>	137
Jadual 16	FRAME <i>KOMPAS</i> DAN <i>MI</i> KE ATAS BIMANTARA	145
Jadual 17	BANGUNAN BERITA BIMANTARA DALAM <i>KOMPAS</i> DAN <i>MI</i>	148
Jadual 18	BILANGAN KEKAYAAN KELUARGA BESAR SOEHARTO	152
Jadual 19	FRAME <i>KOMPAS</i> DAN <i>MI</i> KE ATAS KELUARGA CENDANA	160
Jadual 20	BANGUNAN BERITA KELUARGA CENDANA DALAM <i>KOMPAS</i> DAN <i>MI</i>	164
Jadual 21	KEBEBAAN AKHBAR DALAM BERITA <i>KOMPAS</i> DAN <i>MI</i>	168
Jadual 22	WUJUD KRITIK <i>KOMPAS</i> DAN <i>MI</i>	172
Jadual 23	CARA <i>KOMPAS</i> DAN <i>MI</i> MENYAMPAIKAN INFORMASI	175
Jadual 24	SENARAI SYARIKAT KUMPULAN <i>KOMPAS</i> DAN GRAMEDIA	194
Jadual 25	TEMBUSAN AKHBAR HARIAN JAKARTA DAN DI EMPAT BANDAR	199
Jadual 26	SENARAI SYARIKAT KUMPULAN <i>MEDIA INDONESIA</i>	207
Jadual 27	BELANJAWAN IKLAN LIMA TERBESAR AKHBAR 1997-2000	216
Jadual 28	BILANGAN PEMBACA LIMA AKHBAR TERBESAR 2000-2002	217
Jadual 29	FAKTOR-FAKTOR PERUBAHAN KE ATAS STRUKTUR <i>KOMPAS</i> DAN <i>MI</i>	228
Jadual 30	PERBANDINGAN KOMODIFIKASI DAN SPATIALISASI <i>KOMPAS</i> DAN <i>MI</i>	230
Jadual 31	SPATIALISASI <i>KOMPAS</i> MENURURT BIDANG SYARIKAT DAN PEYEBARAN	231
Jadual 32	SPATIALISASI <i>MI</i> MENURUT BIDANG STARIKAT DAN PENYEBARAN	233
Jadual 33	PERUBAHAN INSTITUSI NEGARA ORDER SOEHARTO DAN ORDER REFORMASI	239

Jadual	TAJUK	MUKA
Jadual 34	STRUKTUR LEMBAGA NEGARA SEBELUM DAN SETELAH PINDAAN KONSTITUSI	240
Jadual 35	PROSES PEMBANGKANGAN PENGAMAL MEDIA KEATAS REGIM	251
Jadual 36	<i>MEDIA FRANCHISE</i> ERA ORDER REFORMASI	262
Jadual 37	KEKERASAN BADAN DAN PSIKOLOGI KE ATAS WARTAWAN	269
Jadual 38	PERKIARAAN KEKAYAAN NEGARA YANG DIRASUAH SETIAP TAHUN	272
Jadual 39	PERKIARAAN KEKAYAAN NEGARA YANG DIRASUAH SETIAP TAHUN	272

SENARAI KEPENDEKAN DAN TATANAMA

No.	Akronim/ Tata Nama	Huraian
1	AJI	Aliansi Jurnalis Indpenden, pertubuhan wartawan
2	ANTV	Andalas Televisi, stesyen televisyen swasta
3	APK	Analisis Perbincangan Kritik, <i>critical discourse analysis</i>
4	ATM	Anjungan Tunai Mandiri (Ind) <i>Automatic Transfer Machines</i>
5	ATPM	Agen Tunggal Pemegang Merek, agensi tanda perniagaan, jenama
6	BAPPENAS	Badan Perencanaan Pembangunan Nasional, lembaga pelan pembangunan negara.
7	BCA	Bank Central Asia, syarikat bank swasta
8	BI	Bank Indonesia, bank sentral
9	BPPC	Badan Penyangga dan Pemasaran Cengkih, syarikat perniagaan cengkih atas nama koperasi
10	BPK	Badan Pemeriksa Kewangan, lembaga penyiasat kewangan negara.
11	Bulog	Badan Urusan Logistik
12	BJ Habibie	Burhanudin Jusuf Habibie
13	BUMN	Badan Usaha Milik Negara, syarikat perniagaan milik negara.
14	Cekal	Cegah dan tangkal, mencegah seseorang meninggalkan negara kerana suatu kes
15	Deppen	Departemen Penerangan, kementerian penerangan
16	Dewan Komisaris	Majlis pemilik syarikat perniagaan.
17	Dewan Pers	Dewan Akhbar, majlis tertinggi akhbar
18	DPD	Dewan Perwakilan Daerah, majlis perwakilan daerah/ provinsi.
19	DPR	Dewan Perwakilan Rakyat, parlimen
20	F-KP	Fraksi (parti) Golongan Karya di lembaga perwakilan rakyat. (MPR dan DPR)
21	GATT	General Agreement Tariffs and Trade
22	Global TV	Stesyen televisyen swasta
23	Goro	Gotong Royong, nama syarikat perniagaan
24	Indosiar	Stesyen televisyen swasta
25	Kantor	Jabatan
26	Kantor Pusat	Ibu Pejabat, <i>head office</i>
27	Kopkamtib	Komando Operasi Kemanan dan Ketertiban, suatu lembaga era Soeharto yang dipimpin oleh seorang jeneral. Lembaga ini sebagai pengawal hegemoni kuasa Soeharto dan memiliki kuasa menangkap musuh politik Soeharto.
28	Laksus	Pelaksana khusus. Lembaga pelaksana dari Kopkamtib.
29	Kota	bandar
30	KKN	Korupsi, Kolusi dan Nepotisme, rasuah dan kroni.
31	Konglomerat	asal kata <i>conglomerate</i> , syarikat besar
32	Koran,	Akhbar (media cetak)

	Suratkabar	
33	Lativi	Stesyen televisyen swasta
34	MA	Mahkamah Agung, lembaga tertinggi pemutus/paluan perundangan (<i>judiciary</i>)
35	Metro TV	Stesyen televisyen swasta
36	Menkeu	Menteri Keuangan, menteri kewangan
37	Menggugat	Menggugut
38	Mobil	Kereta
39	Mobnas	Kereta Nasional, kereta nasional
40	Monas	Monumen Nasional, sebah tugu di Jakarta
41	MPR	Majlis Permusyawaratan Rakyat, lembaga perwakilan tertinggi
42	Mundur	Undur
43	NAFTA	North American Free Trade Agreement
44	Negeri	Negara, lebih dertiakan untuk tanah air dan bangsa .
45	Pembredelan	asal kata <i>breidel</i> (Belanda), pengharaman, pelarangan
46		Peratus (%)
47	Pemred	Pemimpin Redaksi, ketua penyunting
48	Periksa	Odit
49	PRSSNI	Persatuan Radio Siaran Swasta Niaga Indonesia, pertubuhan syarikat radio penyiaran swasta
50	PT	Perusahaan Terbatas, syarikat sendirian berhad
51	PTUN	Pengadilan Tata Usaha Negara, mahkamah untuk masalah pentadbiran
52	PWI	Persatuan Wartawan Indonesia, pertubuhan wartawan
53	RCTI	Rajawali Citra Televisi, stesyen televisyen swasta
54	RI	Republik Indonesia
55	RRI	Radio Republik Indonesia, stesyen radio penyiaran milik pemerintah
56	Redaksi	Bahagian penyunting dari pekerjaan akhbar
57	Redaktur	Penyunting.
58	Ruislag	Istilah perundangan (Belanda), bertukar penuh.
59	Rush	Istilah kewangan, penarikan/pengambilan wang yang dilakukan banyak orang.
60	RUPS	Rapat Umum Pemegang Saham, majlis pemilik saham
61	SH	Sarjana Hukum, gelar sarjana perundangan
62	SIT	Surat Izin Terbit, akta cetak
63	SCTV	Surya Cipta Televisi, stesyen televisyen swasta
64	SIUPP	Surat Izin Usaha Penerbitan Pers, permit syarikat dan akhbar.
65	SK	Surat Keputusan
67	Swadaya	Swa = sendiri, daya = tenaga; berusaha sendiri, bebas/independen
68	TPN	Timor Putra Nasional, nama syarikat perniagaan
69	TVRI	Televisi Republik Indonesia, stesyen televisyen milik pemerintah RI
70	TPI	Televisi Pendidikan Indonesia, stesyen televisyen swasta
71	Trans TV	Stesyen televisyen swasta

72	TV 7	<i>Tivi Tujuh</i> , stesyen televisyen swasta.
73	UUD	Undang-undang Dasar 1945(45), konstitusi RI
74	UUPP	Undang-undang Pokok <i>Pers</i> , akta akhbar

ZULHASRIL NASIR

Pusat Pengajian Komunikasi

Ijazah Doktor Falsafah (2004)

TESIS:

PERUBAHAN STRUKTUR AKHBAR INDONESIA

DARI ORDER SOEHARTO KE ORDER REFORMASI

KAJIAN KES HUBUNGAN MEDIA DENGAN PEMERINTAH

ABSTRAK

Penggantian regim autoritarian di Indonesia pada 21 Mei 1998 telah membawa perubahan penting kepada struktur media massa dan memberi kesan yang kemudiannya membawa kepada perubahan dalam hubungan antara media dengan pemerintah. Reformasi telah mengubah banyak perkara, baik dalam struktur dalaman media maupun peranannya dalam percaturan kuasa media politik dan ekonomi. Kajian ini menilai pelbagai perkara yang melibatkan hubungan negara dengan media massa dalam kedua regim yang berubah serta aspek-aspek yang berkaitan dengan perubahan struktur dalaman media massa. Demokrasi politik dan liberalisasi ekonomi yang diikuti dengan kebebasan akhbar ternyata memperlemah kedudukan pemerintah. Akibatnya ialah, tiadanya keseimbangan kedudukan media dengan pemerintah. Di antara dapatan kajian ini

ialah faktor kepemimpinan pentadbiran yang lemah dalam Order Reformasi. Perkara ini adalah penyebab utama kepada kegagalan pemerintahan dan seterusnya memperpanjangkan jangka masa krisis. Ada pandangan yang menyatakan bahawa kebebasan akhbar yang berlaku telah melampaui had dan keinginan untuk kembali ke era Soeharto. Ini adalah gambaran dari kekecewaan dalam menghadapi permasalahan yang ada.

Kaedah yang dipakai untuk membuktikan perkara di atas ialah dengan menggunakan penyelidikan kualitatif dengan teknik analisis perbincangan kritik (*critical analysis discourse*) Norman Fairclough dan alat analisis teks *framing* model Gamson & Modigliani. Model *framing* Gamson dan Modigliani digunakan untuk menganalisis bahasa (semiotik) teks media (akhbar *Kompas* dan *Media Indonesia*) yang menjadi bahan penyelidikan, sedangkan analisis perbincangan kritik Norman Fairclough merupakan teknik untuk menganalisis tiga peringkat: penghasilan teks, amalan perbincangan dan amalan sosio-budaya. Penggunaan berita yang berkaitan dengan kekayaan dan perniagaan keluarga besar Soeharto sebagai contoh teks, menggambarkan kejadian rasuah yang masih berleluasa yang belum ditangani oleh penguatkuasaan undang-undang Indonesia. Rasuah yang tidak berhenti di era reformasi mungkin boleh dijadikan bahan pembanding bahawa masalah pemerintahan Order Reformasi, yang lepas dan yang akan datang, serta tentang yang dihadapi akhbar Indonesia tidaklah sesederhanaseperti yang dibayangkan.

Bagi membincangkan itu semua, penyelidikan ini tidak bertumpu pada satu teori tetapi menggunakan beberapa teori yang erat kaitannya dengan

permasalahan tersebut, termasuk ilmu sosiologi, politik, perundangan, dan lain-lain. Dalam bidang ilmu komunikasi, penyelidik di antaranya menggunakan Teori Strukturasi Anthony Gidden (1984) mengenai tindakan sosial yang mengatakan bahawa tindakan manusia merupakan suatu proses penghasilan dan penghasilan semula dalam pelbagai sistem sosial; dan Teori Media Politik-Ekonomi daripada Vincent Mosco (1996) yang menyarankan pergantungan ideologi kepada kuasa ekonomi dan mengarahkan perhatian kepada struktur pemilikan dan mekanisme kerja dan kuasa pasaran media.

Temuan lain yang didapati ialah, bahawa faktor ideologi media bukan setakad menjadi amalan yang boleh memandu para pengamal media dalam mencapai tujuan ideologi media, bahkan ia boleh juga dijadikan sebagai kawalan dalaman media bilamana berkaitan dengan ekonomi pasaran di bawah desakan neoliberalisme ekonomi global.

Antara kesimpulan yang dapat dikemukakan ialah penggantian regim autoritarian ke regim demokrasi mempunyai pengaruh yang berkesan kepada struktur media akhbar dan hubungan media dengan pemerintah menjadi berubah secara sangat bererti. Unsur-unsur dalam perubahan – struktur dan pengamal-pengamal media dan interaksi keduanya – adalah faktor penting menuju penstrukturan semua.

ZULHASRIL NASIR

School of Communication

Doctor of Philosophy Degree (2004)

THESIS

THE CHANGES OF INDONESIA NEWSPAPER STRUCTURE

FROM SOEHARTO ORDER TO REFORM ORDER

A CASE-STUDY OF RELATION BETWEEN MEDIA AND

GOVERNMENT

ABSTRACT

The fall of the Indonesian authoritarian regime on 21 May 1998 has brought important aspect of changes in mass media structure and the correlation between media and the government. The Reform has changed a lot of things within the media and its roles and influence in the political-economy of the media.

This case-study is focused on many aspects relating to the correlation pattern between the government and the mass media during the two regimes and the changes in the structure of mass media. The Soeharto Order pictured as a corrupt government and the Reform Order as democratic era does not in fulfill the people's aspirations. Political democracy and economic liberalization, bringing with them press freedom have weakened the government .

This case-study also revealed that a weak leadership in the government administration in reform era. This becomes the main failure of government, and it has prolonged the crisis. A point of view raised that the press have gone too far overboard and the willingness to go back to the Soeharto era, was a manifestation of disappointment from the never-ending problems.

Norman Fairclough's critical analysis discourse and Gamson & Modigliani's framing text analysis are the qualitative research tools used in this research. Gamson & Modigliani's model was used to analize the media text (*Kompas* and *Media Indonesia* newspapers) while Norman Fairclough's model was used as a tool to analize the three-stages: the text production, discourse practice, and socio-cultural practice. The sample news about the treasures of the Big Family of Soeharto, emerged as one of the big issues still untouched by the laws in Indonesia and corruption that is still being practiced widespread in the era, may become an indication of the problems Indonesia have faced will have to be faced by this nation. They are not as simple as it can be imagined.

BAHAGIAN I

PENGENALAN

A. LATARBELAKANG

Perubahan pemerintahan sering membawa perubahan pula pada struktur kehidupan dan lembaga sosial, termasuk media massa. Jatuhnya pemerintahan Order Soeharto¹ di Indonesia telah menciptakan iklim yang baik bagi perkembangan demokrasi setelah 32 tahun (sejak 12 Mac 1966) di bawah regim Soeharto.

Order Reformasi -- dimulai sejak Soeharto menyerahkan kuasanya kepada pemerintahan Presiden Baharudin Jusuf (BJ) Habibie, 21 Mei 1998, dan kemudian Presiden Abdurrahman Wahid (22 Oktober 1999) dan terakhir kepada Presiden Megawati Soekarnoputri (sejak 26 Julai 2001). Era pemerintahan tersebut dibebani pelbagai tuntutan perubahan dan harapan.

Proses reformasi yang didahului krisis ekonomi yang menyebabkan kemunduran dalam kehidupan dan kesejahteraan rakyat menjadi faktor utama kemunculan persatuan rakyat dalam kelompok aktivis reformasi, seperti mahasiswa, kelompok cendekiawan, dan bahkan kelompok politik yang terpinggir (Indrawati, 2000:23). Kuasa buruk Soeharto yang hampir mutlak merupakan unsur di luar pemerintah yang menyatukan kumpulan-kumpulan ini. Keadaan ini ditambah dengan semakin kerasnya

¹ Soeharto menggunakan istilah Order Baru ketika menggantikan regim Soekarno yang disebut Order Lama. Kerana “baru” selalu membawa erti positif ke arah perubahan, maka istilah Order Baru akan lebih tepat jika diganti dengan istilah “Order Soeharto.” merujuk pada regim Soeharto dan order reformasi pada pemerintahan setelah Soeharto.

peranan media massa yang menyiarakan pemberitaan kritis melalui berbagai debat awam (*talk show*) terhadap kelemahan regim.

Krisis ekonomi dan kewangan nasional tidak dapat diatasi dalam masa singkat walaupun terdapat perubahan-perubahan dasar dalam penyelenggaraan negara, pertentangan politik, dan pertentangan dalaman sebagai akibat perubahan tersebut. Pemerintahan Habibie hanya dapat bertahan lapan bulan dan diganti oleh Abdurrahman Wahid, seorang pemimpin dari partai nombor tiga, yang hanya berkuasa selama 21 bulan. Pemerintahan order reformasi seolah bermain *puzzle* untuk memilih prioriti di antara permasalahan yang mendesak: ekonomi, politik, undang-undang, dalam memenuhi harapan sebuah order reformasi. Krisis ekonomi dan kewangan terus membayangi penyelenggaraan negara terutama yang erat hubungannya dengan masalah stabiliti politik, ekonomi, perundangan dan keamanan. Keresahan dan gerakan pemisahan diri di beberapa daerah (Timor Timur, Aceh dan Irian Jaya atau Papua Barat dan Maluku Selatan) dari Republik Indonesia adalah beban berat yang menuntut sebuah pemerintahan yang kuat.

Mei 1998 memang menandai kebebasan politik baru. Tetapi ternyata tidak tuntas menandai akhir sebuah era. Ia sekadar *intermezzo* dari sebuah komuniti lama. Kebebasan politik alias demokratisasi, yang ditandai luruhnya peranan negara, ternyata mengelupaskan luka sosial yang selama ini tersembunyi.Rasuah, kata orang hanya berubah rupa dari rasuah terpusat, di lingkungan eksekutif dan di Jakarta, menjadi rasuah tersebar di antara parti-parti, di antara cawangan-cawangan negara dan di pelosok-pelosok bersama pasang naik autonomi provinsi.

(Farid Gaban, *Tempo* 6 Januari 2002)

Sistem politik kenegaraan, penguatkuasaan undang-undang, pilihan raya, sistem pertahanan dan keamanan, serta pengukuhan bidang sosial lainnya merupakan masalah jangka pendek yang dihadapi baik oleh pemerintah, parlimen (*Dewan Perwakilan Rakyat*, DPR) dan majlis tinggi (*Majlis Permusyawaratan Rakyat*, MPR).

Perjuangan yang cukup berat ialah, mengembalikan fungsi tentera sebagai alat pertahanan negara dari alat kuasa yang selama ini terjadi pada era Soeharto. Demikian pula upaya pembasmian rasuah, kroni dan nepotisme yang telah memutarbelitkan hampir semua sektor kehidupan bermasyarakat dan bernegara. Tumpukan hutang, AS\$ 140 bilion, tahun 2002/2003 (*Kompas*, 4 April 2002) dan usaha pembayaran hutang luar negara (5.5 bilion setahun) yang semakin membesar, penguatkuasaan undang-undang (*law enforcement*) terhadap rasuah baik di pihak pegawai dan tentera yang selama ini telah menghasilkan sekelompok elit pegawai (dan keluarga) dan ahli perniagaan yang kaya raya dan dengan harta yang melimpah ruah kerana melakukan perniagaan yang menyimpang. Semuanya itu memiliki implikasi politik terhadap penyelenggaraan pemerintahan.²

Struktur politik-ekonomi Order Soeharto yang kemudian mempengaruhi dinamik industri media massa Indonesia, telah dibangun sejak Soeharto membangunkan ekonomi serta mengandalkan pakar ekonomi berpendidikan Amerika dan teknorat yang bertujuan untuk mencapai stabiliti politik yang dipercayai dapat memulihkan kehidupan ekonomi setelah inflasi 600 peratus pada regim Soekarno (1965). Usaha Soeharto kemudian membawa hasil dengan sokongan dari negara-negara industri Barat dan lembaga kewangan antarabangsa.

Soeharto telah berjaya melakukan transformasi dari “sebuah negara dengan ekonomi nombor satu buruk di antara negara terkebelakang,” (Higgins, 1968)

² Lembaga Kajian Demokrasi dan Hak Asasi dan Institut Studi dan Arus Informasi, Jakarta mengemukakan, pelbagai “warisan” Soeharto masih saja terjadi sampai pemerintahan Megawati Soekarnoputri. Perkara itu ialah: rasuah, kolusi, nepotisme, *civil society*, parti politik, hubungan Islam dengan politik, puak, agama, penguatkuasakan undang-undang dan ketenteraan. Semuanya itu menjadi faktor penghambat pendemokrasian. Warisan tersebut meliputi semua dataran kehidupan masyarakat. (*Kompas*, 15 Pebruari 2003).

menjadi negara yang memiliki pencapaian kemajuan ekonomi positif dan dapat menjadi contoh pembangunan negara-negara dunia ketiga. Regim Soeharto berjaya menaikkan GDP rata-rata 6.8 peratus dan terakhir mencapai 7.6 peratus (1990-1995) dengan pertumbuhan penduduk 1.8 peratus, sehingga World Bank menempatkan Indonesia pada golongan yang sama dengan Korea Selatan, Malaysia, Singapura, Hongkong, Taiwan dan Thailand sebagai negara di Asia yang mencapai pertumbuhan ekonomi mengejutkan (World Bank Report, 1993).

Struktur politik ekonomi mempengaruhi langsung perubahan akhbar dari akhbar politik menjadi akhbar industri. Soeharto melakukan kawalan ke atas kebebasan dan institusi media dengan menciptakan mekanisme politik dan di masa yang sama Soeharto melakukan liberalisasi dengan mendatangkan program-program televisyen Barat secara langsung dan terbuka untuk pelabur asing dalam industri media massa (Polisi Pemerintah No. 20 tahun 1994). Salah satu yang dinyatakan pemerintah ialah *Open Sky Policy* yang sejajar dengan tujuan ekonomi pasar antarabangsa. Maka, secara umum regim telah masuk kepada struktur ekonomi neo-liberalisme seiring dengan keinginan untuk mendapatkan pengakuan politik-ekonomi dalam wujud antarabangsa dan dalam negara. Namun, sebenarnya Indonesia juga telah masuk ke dalam suatu iklim pergantungan kepada perkembangan arus informasi baru dalam rangkaian informasi global, terutama yang berkaitan dengan pengendalian modal dan penciptaan persepsi yang mereka peroleh dari dan tentang Indonesia (Triputra, 2004). Intergrasi horizontal seperti itu diikuti pula dengan intergrasi vertical antara media swasta dengan individu yang merupakan dari lingkaran dalam kuasa politik.

Kontradiksi Order Soeharto semacam inilah menurut sebahagian pakar sebagai salah satu penyumbang ke atas kejatuhan regim Mei 1998.

Indonesia sejak merdeka (17 Ogos 1945) sesungguhnya memiliki asas hukum rasmi : Undang-Undang Dasar Negara (UUD 1945) dan undang-undang yang tidak satupun dapat ditafsirkan bahawa di Indonesia tidak terdapat jaminan demokrasi dan kebebasan akhbar:

- a. Konstitusi *Undang-Undang Dasar 1945* (UUD 45). Dalam Pengenalan UUD 45 disebutkan, “Bahawa sesungguhnya kemerdekaan itu adalah hak segala bangsa dan oleh sebab itu, maka penjajahan di atas dunia harus dihapuskan, kerana tidak sesuai dengan keperikemanusiaan dan keperikeadilan.”

Pada Fasal 28 dijelaskan lebih lanjut, “Kemerdekaan bersyarikat (pertubuhan) dan berkumpul, mengeluarkan fikiran dengan lisan dan tulisan dan sebagainya ditetapkan dengan undang-undang.” Bahagian Penjelasan tentang ayat 28 disebutkan “hasrat bangsa Indonesia untuk membangun negara yang bersifat demokratik dan yang hendak menyelenggarakan keadilan sosial dan keperikemanusiaan.”

- b. Fasal 4 *Undang-undang Pokok Pers* (Akhbar) 1982 menyebutkan , “Terhadap akhbar nasional tidak dikenakan sensor dan *pembreidelan*”. Pada Fasal 8b memastikan, “untuk itu tidak diperlukan Surat Izin Terbit” (Akta Penerbitan).

Dalam pelaksanaannya kemudian terjadilah penyelewengan yang dilakukan oleh pemerintah (Order Soeharto) sendiri melalui jentera pemerintahan yang bertujuan

mempertahankan kuasa regim. Pelanggaran pertama undang-undang daripada pemerintah Order Soeharto terjadi sejak mula regim berdiri dengan tetap mengakibatkan peraturan pemerintah yang mewajibkan kepada akhbar untuk mempunyai permit, *Surat Izin Terbit* (SIT) yang termaktub dalam Undang-undang Pokok Pers 1966 (Fasal 20, ayat 1) melalui Keputusan Presiden RI (UU No. 11 tahun 1966) meskipun secara khusus pada Fasal 3 dikatakan bahawa “akhbar mempunyai hak kawalan, kritik dan pembetulan yang bersifat membentulkan dan membangun.” Demikian juga Fasal 4 UU tersebut menyatakan : “Terhadap akhbar Nasional tidak dikenakan sensor dan pengharaman”³ Meskipun 16 tahun kemudian (1982) Fasal 20 ayat 1 itu dihapuskan (UU No. 21 tahun 1982), namun tahun 1984 pemerintah memaklumkan Peraturan Menteri Penerangan No. 1 tahun 1984 tentang *Surat Izin Usaha Penerbitan Pers* (SIUPP) yang mengawal dua perkara: penerbitan dan perniagaan -- suatu undang-undang yang menyerupai dan bahkan lebih keras dari yang lama. Ayat yang menjadi masalah dari Maklumat Menteri itu ialah, Fasal 33 yang menyebutkan perkara “keharusan akhbar memiliki SIUPP” dan dikatakan juga “kuasa Menteri Penerangan membatalkan SIUPP sebuah penerbitan akhbar.” Apabila SIUPP penerbitan dibatalkan maka dua unsur: permit penerbitan dan permit perniagaan juga dibatalkan.

³ Sikap regim yang bimbang itu akan tetap terjadi manakala janya tidak mempercayai kebebasan (akhbar) dalam demokrasi. Contoh lain ialah tetap dikuatkuasakannya *Surat Izin Cetak* (SIC) bagi akhbar yang diterbitkan oleh markas tentera tempatan. Perlu diketahui, undang-undang sepeerti itu merupakan warisan penjajahan Belanda dan kemudian dipakai juga oleh pemerintahan pendudukan Jepun (1942-1945) yang disebut *Persbreidel Ordonantie* (makluman 1918) dalam fasal-fasal *Haatzai Artikelen*, “Hukuman terhadap siapapun yang menyebarkan perasaan permusuhan kepada Nederland atau Hindia Belanda, atau sesuatu kelompok penduduk di Hindia Belanda.” Pada pemerintahan Demokrasi Parlementer (1955-1959) undang-undang ini dihapuskan, tetapi kemudian pemerintahan Soekarno mengeluarkan undang-undang yang bermakna sama dengan *Haatzai Artikelen*, yakni peraturan Kepala Staf Angkatan Darat No: PKM/001/1956. Dalam praktik regim Soeharto kemudian terbukti masih menggunakan fasal-fasal tersebut dalam mengadili wartawan.

Jika diperhatikan sumber undang-undang di atas jelaslah yang “tinggi” adalah konstitusi (UUD 45) yang merupakan punca undang-undang rasmi negara. Akan tetapi kenyataannya menjadi lain jika dilihat undang-undang yang dikeluarkan Presiden dan Peraturan Menteri Penerangan No. 1 tahun 1984, yang bertentangan dengan hukum rasmi “di atasnya,” yakni konstitusi UUD 1945. Negara hukum dan demokrasi melarang peraturan yang demikian, kecuali negara dalam keadaan bahaya (A.Muis, *Tempo*, 28 November 1992).

Terjadinya ketidakteguhan dalam kebebasan akhbar adalah disebabkan negara tidak mempunyai tradisi kebebasan berakhbar, sehingga tidak menciptakan peluang untuk menumbuhkan kehidupan demokrasi, tidak dibiasakan bertukar fikiran dan berbeza pendapat, sehingga yang berkuasa memutuskan permasalahan, maka ratalah jalan terbuka ke arah pemerintahan autoritarian (Rosihan Anwar, *Kompas*, 9 April 2002).

Beberapa tuntutan perubahan yang penting berlaku dan membawa hasil pada order reformasi. Pertama, lahirnya *Undang-Undang (UU) Pokok Pers* (Akhbar) No. 40 tahun 1999 pada era pemerintahan Presiden Habibie. UU ini merupakan reaksi balas dari UU yang lama (tahun 1984). Lahirnya UU Pokok Pers No. 40/1999 itu (hanya beberapa bulan setelah Soeharto jatuh) merupakan suatu perjuangan panjang yang dilakukan oleh pengamal-pengamal media massa Indonesia. Melalui undang-undang tersebut media massa Indonesia tidak lagi diwajibkan meminta permit *Surat Izin Usaha Penerbitan Pers* (SIUPP), akta syarikat perniagaan dan penerbitan --- setiap orang dan organisasi dapat mendirikan media. Akhbar tidak akan dapat lagi dilarang terbit dan tidak akan berlaku campurtangan pemerintah. Jika terdapat pelanggaran

undang-undang yang dilakukan wartawan, maka penyelesaiannya dilakukan melalui mahkamah pengadilan.

Kedua, diadakannya pindaan terhadap UUD 45⁴ tentang Fasal 28F: “Setiap orang berhak untuk berkomunikasi dan memperolehi informasi untuk mengembangkan pribadi dan lingkungan sosialnya, serta berhak untuk mencari, memperolehi, memiliki, menyimpan, mengolah, dan menyampaikan informasi dengan menggunakan segala jenis saluran yang tersedia.”

Kegemilangan demokrasi telah menghasilkan banyak hal dalam dunia media Indonesia. Dalam masa dua tahun pemerintah telah memberikan maklumat kebenaran sebanyak 1,687⁵ kepada penerbit akhbar (*Majalah Tempo*, 7 Januari 2001). Namun, di antara pertumbuhan media cetak (suratkabar/tabloid dan majalah) yang cepat itu terdapat juga bilangan media detak yang mati (baik yang sudah lama dan yang baru) kerana persaingan dan kekurangan modal. Pada iklim ekonomi kewangan masyarakat yang tidak normal serta daya beli rendah seperti dewasa ini banyak tumbuh media kuning (*yellow paper*) yang lebih memanfaatkan selera rendah awam untuk keberlangsungan suatu penerbitan.

Sebagai buah reformasi, enam stesyen televisyen Indonesia yang telah ada: *Televisi Republik Indonesia* (TVRI, milik pemerintah), dan stesyen swasta *Pendidikan Indonesia* (TPI), *Rajawali Citra Televisi Indonesia* (RCTI), *Surya Citra Televisi*

⁴ Pindaan terhadap UUD 45 yang membawa perubahan besar dalam penyelenggaraan negara terjadi dari 2000, 2001, 2002 dan 2003. Perubahan tersebut melibatkan lembaga-lembaga tinggi negara, sistem pilihan raya , sistem pemilihan presiden dan wakil presiden, dan sebagainya.

⁵ Bekas Direktur Jenderal Radio, Televisyen dan Film (1998) Ishadi SK menyebutkan selama setahun Menteri Penerangan Yunus Yosfiah memberikan sekitar 1,500 SIUPP. Jumlah tersebut belum termasuk 2,000 permit untuk radio siaran. Akhir tahun 1999 permit diberikan kepada 5 stesyen TV baru (lihat “Persepsi Elit Penguasa terhadap Media” dalam *Pers dalam Revolusi Mei*, Hidayat, eds., 2000).

(SCTV), *Indosiar* dan *Andalas Televisi* (ANTV) tidak saja memperbaiki organisasi, tetapi juga mengubah dan menyempurnakan aspek pengurusan organisasi dan kewangan. Sebahagian besar dari pengurus stesyen televisyen swasta itu adalah ahli perniagaan yang dekat dan selama ini mendapat pelbagai kemudahan daripada pemerintahan Soeharto. Dalam iklim ekonomi yang tidak menentu, lima tahun era reformasi beberapa ahli perniagaan telah mendirikan lima stesyen televisyen baru : *Metro TV* telah muncul November 2000 , *Trans TV* pada Oktober 2001, menyusul tiga stesyen lagi *Lativi*, *Global TV*⁶ dan *TV7* pada awal 2002. Pada masa ekonomi nasional menghadapi krisis dan tumbuhnya pelbagai syarikat media yang memerlukan modal banyak, maka perkara yang dapat dilihat dari perkembangan di atas ialah -- meskipun memiliki risiko besar -- dunia televisyen dianggap sebagai industri perniagaan yang prospektif dan inilah masanya peluang diperolehi.

Proses demokrasi media massa Indonesia pada masa ini yang bersamaan dengan liberalisasi ekonomi, sebagai bayang-bayang globalisasi, dan dalam iklim nyata perkara ini boleh jadi merupakan pisau bermata dua bagi kehidupan kemasyarakatan. Ianya dapat menjadi hal yang menguntungkan dan sebaliknya sesuatu yang merugikan.

⁶ *Global TV* dimiliki oleh anak ketiga Soeharto, Bambang Trihatmodjo, ahli perniagaan dari Bimantara Group, demikian juga di *RCTI* Bambang memiliki saham 70 peratus. Tampilnya Bambang sebagai salah satu bukti bahawa jatuhnya Soeharto tidak dengan sendirinya menghancurkan kekayaan keluarga dan pengaruhnya.

B. PERMASALAHAN KAJIAN


Pemerintahan Soeharto selama 32 tahun telah menghasilkan suatu sistem kawalan terhadap akhbar dengan cara menciptakan undang-undang, peraturan, atau keputusan menteri melalui jentera yang ada di Kementerian Penerangan atau orang-orang yang memegang jawatan organisasi kewartawanan (Persatuan Wartawan Indonesia, PWI), Dewan Akhbar, Persatuan Perusahaan (Syarikat) Periklanan Indonesia (P3I), Serikat Penerbit Suratkabar (SPS), Serikat Grafika Akhbar, Satuan Tugas (Satgas) Media Massa Markas Besar Angkatan Bersenjata/Kemeterian Pertahanan RI. Regim tidak saja membuat undang-undang baru tetapi juga mempertahankan undang-undang buatan pemerintahan penjajah Belanda yang menguntungkan pihak berkuasa seperti yang berlaku pada pemerintahan sebelumnya (Soekarno).

Institusi tersebut tidak hanya memberikan atau membatalkan permit, tetapi juga melakukan kawalan ke atas orang perseorangan dan kelompok pengamal (wartawan, pengurus), mengawal hasil teks dan isu berita media, melakukan pengasingan ke atas punca-punca berita tertentu dan monopoli kertas akhbar (Hidayat, 2000:6).

Penciptaan mekanisme kawalan negara terhadap media tidak sahaja melalui penafsiran undang- undang tetapi juga terhadap harta hasanah institusi. *TVRI* (didirikan 1963, era Soekarno), di bawah kawalan langsung Kementerian Penerangan, dan telah memonopoli media audio-visuał selama 26 tahun. Tahun 1989 (23 tahun regim Soeharto), pemerintah memberikan beberapa permit kepada swasta untuk mendirikan stesyen TV. Perkara ini pun tidak hanya kerana pengaruh dan tekanan arus globalisasi dan komersialisasi informasi, tetapi juga lebih didorong adanya

keinginan untuk memandu informasi serta membuat informasi dalam bentuk pemahaman regim dan pertimbangan memanfaatkan kesempatan bagi keluarga dan

Jadual 1 A JENTERA KAWALAN MEDIA REGIM SOEHARTO



orang-orang dekat Soeharto, yang melihat dunia industri penyiaran sebagai bahagian dunia perniagaan yang prospektif dan menguntungkan. Empat dari lima perusahaan TV swasta yang wujud di era Soeharto dimiliki (dengan jumlah saham terbesar) oleh keluarga dan kerabat Soeharto: *RCTI* (Bambang Triatmodjo, anak ketiga), *TPI* (Siti Hardiyanti Rukmana/Tutut, anak sulung), *SCTV* (Sudwidkatmono, kerabat dekat), *Indosiar* (Sudono Salim alias Liem Soei Liong kawan dekat Soeharto sejak menjadi Kepala Staf Divisi tentera Diponegoro di Semarang, Jawa Tengah, 1956), *ANTV* dengan pemilik Aburizal Bakrie dan Agung Laksono, ahli perniagaan bumiputera dan.

orang parti Golkar, yang memiliki saham bersama pada beberapa syarikat lain dengan anak-anak Soeharto.

Media cetak juga menjadi arena perniagaan yang berhubungan dengan kuasa. Pada mulanya ia berlaku untuk kepentingan politik pemerintah, khususnya untuk memenangkan pilihan raya. Pelbagai suratkabar muncul di bawah kawalan lembaga pemerintah dan tentera, seperti akhbar *Berita Yudha* (Tentera Darat), *Angkatan Bersenjata*, (Markas Besar Angkatan Bersenjata RI), *Suara Karya* (parti pemerintah, Golkar). Semua jalur birokrasi pemerintah dari peringkat pusat sampai ke peringkat pemerintahan terendah diwajibkan berlangganan media tersebut (Atmakusumah, 1981:80). Ini bukan sahaja bagi kepentingan komunikasi politik tetapi juga kepentingan kesinambungan permodalan masing-masing suratkabar tersebut (Muis, 2000:160).

Monopoli radio pemerintah *Radio Republik Indonesia* (RRI) sejak awal kemerdekaan (1945) baru dapat berubah secara mendadak ketika ahli perniagaan melihat radio siaran sebagai bahagian perniagaan yang menguntungkan. Terbentuknya radio swasta perniagaan di tahun 1970-an (mendahului 20 tahun tertubuhnya stesyen TV swasta) lebih banyak disebabkan pengaruh kecenderungan dunia penyiaran pada masa itu.⁷⁷ Radio mengalami kemajuan yang lebih bermakna pada awal 1980-an -- ketika terjadinya proses liberalisasi pertama ekonomi Indonesia (Indrawati, 2000: 21) -- mengingat maju pesatnya sektor industri dan perdagangan dalam dan luar negara yang membawa akibat pada kemajuan agensi iklan kerana industri dan perdagangan

⁷⁷ Dari segi lain dapat diamati, munculnya beberapa radio siaran adalah sebagai akibat pengaruh dan peranan radio siaran mahasiswa(non-komersial) dalam menjatuhkan Soekarno dan Parti Komunis Indonesia (1965-1966). Radio mahasiswa yang paling termasyhur pada masa itu ialah Radio Arif Rahman Hakim (Jakarta), nama yang diambil dari mahasiswa kedokteran yang terbunuh ketika tunjuk perasaan di Istana Presiden

memerlukan promosi (iklan) bagi produk-produk mereka. Namun, hal yang penting dicatat iaitu pemerintah tetap melakukan kawalan terhadap siaran radio itu, misalnya, stesyen radio swasta diharamkan menyiaran siaran berita sendiri. Mereka diwajibkan terimaantar (*relay*) berita nasional RRI setiap masa manakala stesyen ini menyiaran siaran berita. Pengurusan radio perniagaan swasta *Persatuan Radio Siaran Swasta Niaga Indonesia* (PRSSNI) tiga kali masa kepengurusannya dipimpin oleh Siti Hardiyanti Rukmana (Tutut), anak tertua Soeharto. Tutut memang memiliki beberapa buah radio siaran perniagaan.


Penglibatan negara dalam berbagai kepentingan yang ada (politik dan ekonomi) yang kemudian ternyata memiliki implikasi kemajuan dengan berkembangnya institusi media massa di satu pihak, serta di lain pihak perkembangan tersebut kurang membawa iklim yang baik pada kebebasan media sebagai akibat kawalan negara, maka menjadi menarik manakala iklim berubah dengan cepat seperti yang dialami Indonesia sejak era reformasi. Perubahan itu membawa akibat pula pada struktur kehidupan media massa, seperti organisasi dan jumlah media, pemusatan pasar dan iklan.

Pada era reformasi sekarang ini terjadi perubahan yang mendasar yang dapat diuraikan sebagai berikut :

1. Perubahan wujud penyelenggaraan negara dari corak autoritarian ke demokrasi.
Dari ada ke tidak ada lagi kawalan negara terhadap akhbar setelah jatuhnya kuasa Soeharto, bersamaan dengan pelaksanaan pemerintahan yang berasaskan demokrasi.
2. Perubahan iklim media massa dari pemerintahan authoritarian ke demokrasi , bersamaan dengan pindaan terhadap UUD 1945, perundangan yang mendorong

proses demokrasi dan liberalisasi di pelbagai sektor kehidupan awam termasuk penglibatan (perniagaan) swasta dalam kehidupan media massa. Sebahagian peranan negara era Soeharto sekarang diambil alih oleh swasta, pasar dan media massa. Peranan pengamal-pengamal media massa, ahli perniagaan dan masyarakat awam menjadi penting yang kemudian menciptakan struktur baru kehidupan media massa. Akibatnya menjadi jelas, terjadinya kemajuan pada pelbagai bidang media massa, penerapan kebebasan akhbar, penyampaian kepentingan awam, dan kemajuan sektor perniagaan media massa (edaran dan iklan).

Jadual 1 B **HUBUNGAN MEDIA, PASAR DAN SWASTA
ORDER REFORMASI**



3. Perubahan corak pemerintahan tidak segera diikuti perubahan sikap dan mentaliti jentera negara, masyarakat dan individu - yang bagaimanapun sangat mempengaruhi proses demokrasi yang berlangsung.

C. SKOP KAJIAN

Banyak aspek yang telah disentuh pada bahagian ini yang sesungguhnya dimaksudkan bahawa perubahan suatu regim membawa akibat mendasar kepada suatu kehidupan kenegaraan dan perlombagaan masyarakat. Perubahan mendasar tersebut tidak bersifat dari sesuatu kemudian langsung menjadi sesuatu yang baru, tetapi melalui proses yang berbelit dan panjang, kerana aspek-aspek yang di bawahnya juga berubah dan memiliki kerumitan yang tinggi.

Perubahan ke arah pemerintahan demokrasi di Indonesia telah berlangsung sejak 1998. Pelbagai perkara yang berkaitan sistem penyelenggaraan negara, misalnya perlombagaan (Undang-undang Dasar) telah banyak diubah, demikian juga perkara yang berhubungan dengan perundangan dalam bidang ekonomi dan sosial. Termasuk di dalamnya ialah undang-undang akhbar, undang-undang penyiaran, dan cadangan undang-undang kebebasan mendapatkan maklumat. Dalam masa tiga tahun saja Indonesia telah memiliki tiga orang presiden, namun, sampai pada tahun ke lima kehidupan realiti sosial, ekonomi dan politik Order Reformasi ini tidak banyak berubah . Rasuah semakin berleluasa, hutang luar negara semakin meningkat dan kesejahteraan rakyat semakin buruk (*Kompas*, 11 Januari 2003). Protes dalam bentuk tunjuk perasaan, ketidakpercayaan kepada pendokong undang-undang (majistret, polis, jentera, peguam, parti politik) terus menurun, dan krisis ekonomi tidak juga berakhir. Perkara ini membuktikan bahawa terdapat banyak aspek yang berhubungan dengan iklim yang terjadi sekarang ini di Indonesia.

Kajian ini tidak bercadang untuk menyelidik semua aspek di atas dalam suatu permasalahan. Sebagaimana tajuk kajian ini, "Perubahan Struktur Akhbar Indonesia

dari Order Soeharto ke Order Reformasi. Kajian Kes Hubungan Media dengan Pemerintah,” penyelidik berusaha membuktikan bahawa terdapat “benang merah” antara perubahan regim ke perubahan struktur media massa. Perubahan dari suatu iklim autoritarian yang lama dan kuat, dengan segala iklim yang tercipta selama 32 tahun, tidak dapat dilihat sebagai pergantian pemerintahan yang terjadi secara normal.

Negara era Soeharto telah menempatkan media sebagai sebahagian dari jentera negara dengan pelbagai cara kawalan. Media massa yang sering disebut sebagai tiang demokrasi, bagaimanapun berada dalam kedua iklim itu. Interaksi antara media dan pemerintah tercermin dalam bentuknya yang khas, kalau tidak ingin dikatakan bertentangan. Oleh itu, aspek-aspek yang berhubungan dengan media dan regim menjadi intipati kajian ini, seperti: proses perubahan, negara, kuasa, kapitalisme, ekonomi dan politik. Dengan kata lain yang ingin penyelidik kemukakan ialah, bahawa aspek-aspek tersebut sewajarnya disampaikan untuk melihat sebuah permasalahan dalam dimensi yang lebih luas tanpa menghindari asas-asas yang dapat mendukung tumpuan kajian.

Teori Struktural yang juga dikemukakan adalah untuk mencari dasar perbincangan bahawa tumpuan kajian antara lain berada pada pemahaman teori ini. Suatu struktur dapat menghasilkan sesuatu kerana ada interaksi antara pengamal-pengamal dengan struktur (media). Sebuah struktur memiliki peranan (*role*) dan aturan (*rules*).

Teori Media Politik-Ekonomi berhubungan erat dengan kelangsungan (*survival*) sebuah media kerana di sana terdapat unsur-unsur kepemilikan, modal, mekanisme kerja dan pasaran media. Perkembangan industri media yang dipengaruhi

oleh teknologi baru, tidak hanya membawa kesan kepada harta hasanah dan pengswastaan industri media, tetapi juga kepada aspek-aspek politik dan ekonomi negara. Salah satu dimensi struktural dalam menganalisis ekonomi-politik ialah gerakan sosial, sebagaimana gerakan yang meruntuhkan regim Order Soeharto.

Perbincangan pemikiran tentang demokrasi atau bagaimana demokrasi berlangsung, bagaimana kuasa atau penyimpangan kuasa dan bagaimana kezaliman berlaku dalam pelbagai bentuk (misalnya kapitalisme semu, rasuah, kroni, nepotisme), begitu juga perubahan sosial dan reformasi, merupakan pendukung dalam kebolehan memberi gambaran yang lebih luas dalam kajian ini.

Penggunaan isu “perniagaan atau kekayaan keluarga Soeharto” dalam penyelidikan ini tidak hanya melihat bahawa isu tersebut berhubungan dengan kuasa Soeharto yang sangat lama, serta penyimpangan kuasa dalam pelbagai bentuk, tetapi juga ingin membuktikan bahawa pengaruh kuasa regim Order Soeharto tidak dengan sendirinya hapus dan regim Order Reformasi tidak dengan sendirinya pula dapat segera membuka kesalahan-kesalahan Soeharto masa lampau.

Media massa yang memperoleh iklim kebebasan luar biasa di era reformasi dipandang telah berbuat banyak, namun dalam prioriti ia merupakan sebahagian dari iklim sosial dan politik yang menghadapi kerumitan permasalahan dari segala aspek dalam memilih prioriti dalam menyelesaikan masalah yang ada.

D. TUJUAN DAN KEPENTINGAN KAJIAN

Peranan media massa menjadi semakin besar dari masa ke masa, yang mana. Peranan tersebut dalam proses mengarah pada suatu paradigma yang bersamaan

dengan proses demokrasi dalam perbagai bidang kehidupan, maka matlamat kajian ini dapat diuraikan dalam tujuan umum dan tujuan khusus:

Tujuan Umum :

1. Menilai hubungan negara dengan media massa pada era order baru dan order reformasi ;
2. Mengkaji kecenderungan negara terlibat dalam regulasi media massa dan akibatnya kepada kebebasan akhbar;
3. Mengkaji peranan pemerintah dalam pertumbuhan media berita.

Tujuan Khusus

1. Mengkaji faktor-faktor dominan yang mempengaruhi perubahan struktur media berita Indonesia dari era Order Soeharto ke Order Reformasi.
2. Menilai kecenderungan yang menyebabkan negara pada regim Soeharto terlibat dalam perundangan media massa dan bagaimana pengaruhnya terhadap struktur media berita Indonesia.
3. Mengkaji hubungan antara kebebasan akhbar, kepentingan perniagan media politik-ekonomi dan kepentingan am sebagai akibat perubahan struktur media berita, dengan menumpu pada perubahan struktur media massa dari pemerintahan autoritarian ke demokrasi.
4. Menilai peranan pengamal-pengamal (*actor*, agensi) media massa dalam menentukan kualiti perubahan struktur tersebut.

Kepentingan Kajian

Manfaat utama dari penyelidikan ini ialah dari segi ilmu. Bagi kepentingan ilmu, penyelidikan ini boleh dilihat sebagai pemahaman terhadap perubahan dalam bidang komunikasi atau media massa sebagai akibat terjadinya perubahan pada sistem pemerintahan suatu negara. Kajian struktur media massa dipandang suatu asas yang penting dalam menilai suatu perubahan untuk memperoleh gambaran dan bandingan dari era yang berbeza. Era pemerintahan autoritarian yang demikian lama dan berubah ke pemerintahan demokratis dalam masa singkat, sebagaimana yang dialami Indonesia, dapat dinilai memiliki kerumitan dan permasalahan yang khas dan tentu saja menjadi penting bagi kajian komunikasi atau media massa.

Secara teoritis ataupun kaedah penyelidikan, kajian ini diharapkan boleh memberikan sumbangan terhadap kajian ilmiah, perubahan konsep, perbaikan teori yang telah ada atau teori baru tentang aspek-aspek yang ada dalam media massa.

Adalah difahamkan bahawa ukuran kebebasan akhbar banyak didapat dari pemaknaan formal selama ini yang didasarkan kepada kepentingan kuasa pemerintah. Perubahan cepat pada era reformasi telah banyak membawa perubahan makna tersebut, yang pada satu segi memerlukan penafsiran dan pemahaman baru, dan pada segi lain pula mengakibatkan wujudnya kesalahfahaman terhadap bermacam perubahan yang terjadi. Perkara yang sukar untuk dihindari ialah bahawa proses kemajuan di sekeliling kita sebagai kesan globalisasi akan berjalan terus dan pengaruhnya semakin penting dalam proses perubahan tersebut. Pengaruh itu bersifat multidimensi: ekonomi-perdagangan, politik, komunikasi-informasi dan budaya.

Selanjutnya, penyelidikan ini berharap memberi manfaat dan dapat disumbangkan bagi kebaikan masyarakat serta penyelenggara negara dalam mengambil keputusan yang berkaitan dengan bidang komunikasi dan media massa; dari segi lain memungkinkan tumbuh dan berkembangnya pemikiran dan pemahaman baru yang lebih dinamik dalam dunia akhbar, khususnya di Indonesia, negara yang sampai masa ini masih mencari-cari sistem yang terbaik untuk kebangsaan. Reformasi struktur akhbar dari corak regim yang berbeza akan dapat ditelaah atas permasalahannya yang kemudian diharapkan dapat memberi input kepada pengambil keputusan, atau sekurang-kurangnya dapat mempercepat masa bagi pemerintah, cendekiawan, pakar komunikasi dan kaum ilmuan lainnya dalam menentukan suatu sistem akhbar yang sihat bagi masyarakat dan negara.

* * *

BAHAGIAN II

TINJAUAN BACAAN

A. PENDEKATAN

Perubahan media akhbar Indonesia menjelang kejatuhan Soeharto – termasuk perubahan ciri-ciri informasi yang dihasilkan – bukanlah perubahan yang terjadi tiba-tiba, tetapi bahagian dari proses panjang dinamik sejarah media massa Indonesia. Dinamik media itu sendiri merupakan sebahagian dari perubahan struktur, termasuk di dalamnya struktur ekonomi-politik Order Soeharto, yang di satu pihak merupakan bahagian dari sistem kapitalisme global, tetapi di lain pihak mampu mengembangkan cirinya yang khas. Sebagai corak perniagaan kapitalis yang menjadi salah satu sektor industri dalam struktur ekonomi kapitalis, dinamik media massa selama Order Soeharto tidak lepas dari ciri khusus perkembangan kapitalisme selama era tersebut. Perkara itu juga tidak terlepas dari logika berserta segala pertentangan yang secara khas muncul dalam dinamik perkembangan struktur itu sendiri (Hidayat, 2000:127).

Pemahaman terhadap analisis struktur -- sebagaimana bahagian daripada tajuk penyelidikan ini -- sekurangnya menempatkan struktur sebagai fenomena gerakan yang tidak lepas dari kebolehan perseorangan dan kelompok untuk melakukan tindakan sosial, terutama sebagai jawaban ke atas pelbagai pertentangan dalam pada struktur yang ada. Dengan melihatnya sebagai kewujudan yang dinamik, analisis media ekonomi politik dapat menghindar dari apa yang dikatakan Mosco (1996:213)

sebagai kecenderungan untuk terlalu menempatkan “struktur” di atas “agen” pengamal sosial, atau sebaliknya kecenderungan untuk mengutamakan “agen” dengan mengabaikan keberadaan “struktur.”

Teori Strukturasi dari Anthony Giddens (1984) merupakan teori am tentang tindakan sosial yang mengatakan bahawa tindakan manusia merupakan suatu proses penghasilkan dalam pelbagai sistem sosial. Perundangan kelompok mengikuti peraturan-peraturan sebagaimana keinginan mereka dan mereka menciptakan struktur yang sesuai dengan tujuan bersama (dalam Littlejohn, 1992:308).

Organisasi, sebagaimana halnya dalam struktur sosial, menghasilkan sesuatu melalui tindakan dan interaksi di antara individu. Sebagai kelompok dalam organisasi, kelompok memiliki norma, peranan serta arahan dalam menjalankan tindakannya. Kelompok tidak hanya menyertai tujuan perseorangan tetapi juga memproduksi satu sistem organisasi sendiri.

Salah satu dimensi strukturasi dalam menjelaskan analisis ekonomi-politik ialah gerakan sosial. Dimensi itu cukup sesuai hubungannya dengan penyelidikan ini, kerana di antara permasalahannya adalah bahawa yang memulai gerakan reformasi di Indonesia adalah gerakan sosial.

Setiap pendekatan dalam penyelidikan ilmiah seharusnya melibatkan andaian yang berlatarbelakangkan kenyataan sosial. Andaian tersebut berpunca dari empat dimensi iaitu: *epistemology*, *ontology*, *methodology* dan *axiology* (Littlejohn, 1992: 30-34). Pendekatan atau anggapan yang dipakai sangatlah penting, kerana dapat mengarahkan kita kepada data yang kita inginkan (Budiman 1984:167).

Epistemology antara lain menjelaskan andaian mengenai hubungan antara penyelidik dan yang diselidik dalam proses untuk memperoleh pengetahuan tentang objek yang diselidiki. *Ontology*, yang berhubungan dengan andaian mengenai objek atau realiti sosial yang diteliti. Kaedah (*methodology*) berupa andaian-andaian tentang bagaimana cara memperoleh pengetahuan mengenai suatu objek pengetahuan. Sedangkan *axiology*, berkaitan dengan kedudukan *value judgements*, etika dan pilihan moral penyelidik dalam suatu penyelidikan (Hidayat 2001:5).

Dari aspek *epistemology*, pendekatan strukturasi melihat bahawa kebenaran yang sesungguhnya melalui proses dari pengalaman dan penafsiran ke ilmu pengetahuan. Teori strukturasi sebagai suatu ilmu merupakan pendekatan yang memandang kehidupan sosial memiliki tujuan tertentu, sebagaimana terlihat dalam kegiatan manusia tanpa memberikan pemahaman pada ‘jahitan’ kekuatan yang merupakan suatu tindakan sosial. Dari pada itu, Thomson (dalam Mosco, 1996:213) mendapati permasalahan utama teori Giddens, iaitu kecenderungan pada peranan pengamal sosial (agensi) dan melupakan satu konsep struktur yang dibatasi oleh satu rangka pelaksanaan peranan dan satu pembekalan punca kekuatan dimana perseorangan pengamal juga memanfaatkan keinginan mereka masing-masing.

Secara *ontology*, teori strukturasi memandang pengamal-pengamal sosial sebagai suatu bentuk penafsiran tentang kenyataan, bahawa pengamal-pengamal sosial merupakan faktor dinamik perubahan dalam suatu kelompok yang memproduksi suatu sistem sosial. Melalui interaksi dan tindakan sosial agensi produksi dan reproduksi yang kemudian membentuk suatu struktur sosial baru. Dari setiap kenyataan tersebut jika dikaji pastilah menunjukkan kecenderungan

membentuk hubungan tertentu. Namun hubungan itu tidak dapat dilihat dan kerana itu memerlukan penafsiran mendalam. Secara kaedah, pendekatan strukturasi melihat bahawa pemahaman tentang realiti yang sebenarnya baru dapat dilakukan dengan berada di dalam struktur dan bukan di luarnya. Dalam suatu analisis struktur unsur perbandingan ada kalanya diperlukan dalam menjelaskan penaung tertentu yang dibentuk realiti (McLean, 2000).

Sedangkan *axiology* dalam kajian strukturasi haruslah dilihat sebagai suatu hasil kajian yang berasaskan kepada realiti sosial yang bertumpukan penyelidikan lapangan yang sahih (*valid*) dan dapat dipertanggungjawabkan kandungan dan moral yang menyertainya.

Penyelidikan ini antara lain menggunakan pendekatan strukturasi Giddens sebagai paradigma⁸ untuk menjadi asas pemikiran selanjutnya. Perkara yang erat hubungannya dengan teori strukturasi di atas adalah teori media politik-ekonomi. Teori ini teori lama yang dihidupkan kembali untuk digunakan dalam menyebutkan sebuah pendekatan yang memusatkan perhatian lebih banyak pada struktur ekonomi daripada kandungan ideologi media. Teori ini mengemukakan ketergantungan ideologi pada kekuatan ekonomi dan mengarahkan perhatian kepada struktur pemilikan dan mekanisme kerja dan kekuatan pasar media. Institusi media harus dinilai sebagai bahagian dari institusi ekonomi yang juga bertalian erat dengan sistem politik. (McQuail, 1994:63).

Kawalan elite institusi ekonomi terhadap perlembagaan sosial, termasuk media massa merupakan bahagian dari kajian teori politik-ekonomi (Murdock;

⁸ Paradigma (*paradigm*) dapat dirumuskan sebagai "... a set of basic beliefs for (or metaphysics) that deal with ultimates of first principles ... a world view that defines, for its holder, the nature of the world..." (Cuba, dalam Denzin dan Lincoln, 1994:107).